

**19 MAC 2024**

## **Penglibatan CIJ dan C4 Center dalam Lawatan Sambil Belajar ke Australia untuk Menyokong Penggubalan Akta Kebebasan Maklumat di Malaysia**

Dalam menyokong usaha kerajaan dalam menggubal Akta Kebebasan Maklumat (FOI)/Hak Mendapatkan Maklumat (RTI) di peringkat persekutuan menjelang akhir 2024, Pengarah Eksekutif dari **Centre for Independent Journalism (CIJ)**, Wathshlah Naidu dan Pegawai Penyelidik Dasar dan Undang-undang dari **Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)**, Prishanth Linggaraj telah menyertai lawatan sambil belajar ke Australia dari 24 Februari hingga 2 Mac 2024. Lawatan ini bertujuan memberikan peluang kepada perwakilan Malaysia untuk mempelajari prinsip-prinsip utama yang harus diambil perhatian demi mewujudkan serta melaksanakan rangka kerja RTI yang mantap dan menyeluruh berdasarkan pengalaman kerajaan Australia melaksanakan RTI di peringkat persekutuan dan negeri.

CIJ dan C4 Center telah menyertai delegasi yang diketuai oleh dua ahli parlimen iaitu YB Khoo Poay Tiong dan YB Zahari Kechik daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, di samping perwakilan dari Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Digital Negara (JDN), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (CGSO), Parlimen Malaysia, serta Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia.

Sewaktu lawatan berlangsung, delegasi Malaysia telah berpeluang untuk berhubung dengan beberapa pemimpin Australia termasuklah jabatan dan agensi seperti Peguam Negara, Timbalan Menteri Luar Negeri, Pejabat Pesuruhjaya Maklumat, Ombudsman Komanwel, Tribunal Rayuan Pentadbiran (*Administrative Appeals Tribunal*), serta Majlis Undang-undang (*Law Council*). Pada masa yang sama, persidangan meja bulat turut diadakan bersama Jabatan Luar Negeri dan Perdagangan, Jabatan Pertahanan, Jabatan Dalam Negeri dan Polis Persekutuan Australia. Kemudian, delegasi ini turut berpeluang mengadakan pertemuan dengan beberapa individu penting dalam reformasi undang-undang pentadbiran Australia seperti Profesor John McMillan, mantan Senator John Faulkner, dan Geoffrey Watson SC.

Perbincangan yang mendalam sewaktu lawatan ini telah memberikan pencerahan dari segi cabaran yang mungkin dihadapi dalam melaksanakan RTI di Malaysia selain manfaat yang boleh dirasai sebaik sahaja undang-undang RTI yang progresif dan berdaya maju diperkenalkan. Budaya kerahsiaan yang diamalkan secara berdekad oleh kerajaan haruslah ditangani melalui ketelusan yang tinggi untuk mengelakkan kegiatan rasuah secara berleluasa, penyalahgunaan kuasa, dan salah urus kewangan. Orang awam tidak seharusnya dilayan secara paternalistik serta dihalang daripada mengetahui proses dalaman kerajaan atas alasan “kepentingan dan keselamatan negara”. Oleh itu, RTI adalah langkah yang penting dalam memastikan akauntabiliti dan penelitian dapat dilakukan secara sewajarnya ke atas kerajaan.

Hak mendapatkan maklumat (RTI) adalah elemen kebebasan berpendapat dan bersuara yang diperakui secara antarabangsa di bawah Artikel 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, serta Artikel 10 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Konsep ini secara umumnya merujuk pada hak yang dipegang oleh orang awam untuk mengakses maklumat daripada kerajaan di samping menggalakkan budaya keterbukaan dan ketelusan oleh kerajaan. Di bawah paradigma ini, kerajaan dianggap sebagai penjaga maklumat yang tidak boleh menghadkan akses awam tanpa justifikasi yang memadai. Dalam kata lain, maklumat yang dipegang oleh kerajaan secara asasnya terbuka.

Dari segi konteks yang menjadi pelajaran utama lawatan ini, CIJ dan C4 Center menekankan bahawa terdapat beberapa prinsip yang tidak boleh dirundingkan serta harus dimasukkan dalam rangka kerja RTI dan tanpanya ketetapan yang progresif dan berdaya maju tidak akan wujud:

1. Semua maklumat kerajaan harus secara asasnya terbuka dan sebarang keperluan untuk pemohon menyatakan sebab adalah tidak perlu dalam memohon pendedahan sesuatu maklumat;
2. Sebuah badan pemantau yang bebas haruslah ditubuhkan bagi memastikan proses rayuan yang adil, dipercayai, dan boleh dicapai selain mempunyai autonomi serta kemampuan untuk berfungsi tanpa gangguan;
3. Sebarang pengecualian haruslah jelas dan terhad untuk maklumat yang tidak boleh didedahkan di bawah undang-undang RTI, berdasarkan standard antarabangsa mengenai keperluan dan perkadaran yang tertakluk pada ujian kepentingan awam yang komprehensif;
4. Undang-undang lain yang memberi kesan terhadap pelaksanaan rangka kerja RTI yang holistik haruslah dipinda/diselaraskan seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Seksyen 203A Kanun Keseksan;

5. Polisi selanjutnya haruslah dirangka serta dilaksanakan untuk memupuk peralihan budaya dalam kalangan penjawat awam agar ketelusan dan akauntabiliti dapat dicapai melalui sistem penerbitan proaktif yang cekap serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Hal ini memerlukan suatu usaha yang gigih dalam memastikan kelancaran penyaluran sumber dan latihan yang mencukupi.

CIJ dan C4 Center ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada BHEUU dan kerajaan Australia, terutamanya Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia dan Jabatan Luar Negeri dan Perdagangan kerana menjemput kami ke lawatan ini. Kami percaya bahawa melalui penglibatan pertubuhan masyarakat madani(CSO) dalam inisiatif ini, sebuah perubahan akan dapat dilakukan di Malaysia terutamanya apabila CSO dilihat sebagai pemegang taruh yang bernilai dalam proses reformasi institusi.

Dalam bulan-bulan berikutnya, kami akan meneruskan kerjasama dengan BHEUU, pemegang taruh kerajaan, serta CSO lainnya dalam usaha membina undang-undang RTI di peringkat persekutuan berdasarkan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

#### **AKHIR KENYATAAN**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Pushpan Murugiah (C4 Center)**

No. tel.: +6019 2166218

Emel: [pushpan@c4center.org](mailto:pushpan@c4center.org)

**Wathshlah Naidu (CIJ)**

No. tel.: +6012 2984300

Emel: [exec\\_director@cijmalaysia.net](mailto:exec_director@cijmalaysia.net)